

**Kewangan Negara Positif Tanpa Perlu Pinjam Untuk Salur Pelbagai Bantuan
Bernama
14 April , 2012**

GOPENG, 14 April (Bernama) -- Kewangan negara berada pada tahap yang positif dan kerajaan mempunyai dana mencukupi bagi membiayai program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) RM500 untuk ketua keluarga isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berkata pembiayaan BR1M dibuat hasil kekuatan ekonomi negara yang didokong usaha serta kerja keras agensi-agensi terlibat termasuk sektor pelancongan dalam menjana pendapatan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kebudayaan dan Pelancongan 1Malaysia 2012 di sini Sabtu, beliau berkata pada 2011, sektor pelancongan negara memperoleh pendapatan RM58.4 bilion hasil kedatangan lebih 24.6 juta pelancong asing ke negara ini.

Katanya pendapatan itu sahaja mencukupi untuk membiayai BR1M yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 juta tanpa mengambil kira sumbangan daripada kementerian dan sektor lain di negara ini

Justeru, tohmahan dilemparkan pembangkang yang mengatakan peruntukan BR1M dipinjam daripada pihak lain adalah tidak benar dan merupakan satu fitnah, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659073>